



**KERAJAAN MALAYSIA**

---

**PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 12 TAHUN 2012**

---

**IMBUHAN TAHUNAN DAN BAYARAN KHAS PRESTASI  
KALI KEDUA TAHUN 2012**

**TUJUAN**

1. Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan melaksanakan keputusan Kerajaan untuk memberi Imbuan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi bagi kali kedua pada tahun 2012 kepada pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan.

**LATAR BELAKANG**

2. Kerajaan telah membuat keputusan supaya Imbuan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi bagi kali kedua pada tahun 2012 dibayar kepada pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan bagi mengenang budi dan menghargai sokongan serta komitmen mereka dalam mencapai matlamat pembangunan negara. Kadar Imbuan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi bagi keseluruhan tahun 2012 yang ditetapkan adalah sebanyak satu setengah bulan gaji atau minimum RM1,500.00 termasuk bayaran setengah bulan gaji yang telah dilaksanakan melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 2012.

3. Imbuan Tahunan dibayar kepada pegawai dalam Kumpulan Pelaksana serta Kumpulan Pengurusan dan Profesional, manakala Bayaran Khas Prestasi dibayar kepada pegawai dalam Kumpulan Pengurusan Tertinggi.

## **PELAKSANAAN**

4. Imbuan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi kali kedua ini diberi kepada semua pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan yang berkhidmat pada tahun 2012 tertakluk kepada syarat bahawa pegawai telah berkhidmat sekurang-kurangnya 30 hari berturut-turut dalam tempoh 1 Januari hingga 31 Disember 2012. Bayaran minimum bagi tahun 2012 adalah RM1,500.00 iaitu RM500.00 untuk bulan Ogos 2012, RM500.00 untuk bulan Disember 2012 dan RM500.00 untuk bulan Januari 2013.

### **Pegawai Yang Layak**

5. Pegawai yang layak dibayar Imbuan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi kali kedua ini adalah seperti berikut:

- (i) pegawai tetap, sementara, *contract of service* dan guru sandaran;
- (ii) pegawai *contract for service*;
- (iii) pegawai yang bercuti separuh gaji;
- (iv) pemandu yang dilantik oleh pegawai Jawatan Utama B dan ke atas serta Gred Khas A dan ke atas yang layak pemandu tetapi tidak disediakan pemandu oleh jabatannya;
- (v) pemandu yang dilantik sendiri oleh Anggota Pentadbiran dan Yang Arif Hakim dan Pesuruhjaya Kehakiman berdasarkan Akta Ahli Parlimen (Saraan) 1980 dan Akta Saran Hakim 1971; dan
- (vi) Pekerja Sambilan Harian.

## **Pegawai Yang Tidak Layak**

6. Pegawai yang tidak layak dibayar Imbuhan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi kali kedua ini adalah seperti berikut:

- (i) pegawai yang bercuti tanpa gaji sepanjang tahun 2012;
- (ii) pegawai yang dipinjamkan ke badan yang diasingkan pengurusan saraannya sepanjang tahun 2012;
- (iii) pegawai yang dipinjamkan ke badan antarabangsa atau syarikat swasta sepanjang tahun 2012;
- (iv) pegawai yang dikenakan hukuman tata tertib selain daripada hukuman amaran dalam tahun 2012; dan
- (v) pegawai yang ditamatkan perkhidmatan demi kepentingan awam atau demi kepentingan perkhidmatan awam dalam tahun 2012.

## **Pegawai Yang Ditangguhkan Pemberian Imbuhan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi**

7. Pegawai yang ditahan kerja, digantung kerja atau surat pertuduhan telah dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Tata tertib, ditangguhkan pemberian Imbuhan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi. Pegawai hanya layak dibayar Imbuhan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi sekiranya Pihak Berkuasa Tata tertib mendapati pegawai tersebut tidak bersalah atau pegawai hanya dikenakan hukuman amaran.

## **SYARAT PEMBAYARAN**

8. Imbuan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi kali kedua ini dibayar kepada pegawai yang berkhidmat dalam tahun 2012 tertakluk kepada syarat bahawa pegawai telah berkhidmat sekurang-kurangnya 30 hari berturut-turut dalam tempoh 1 Januari hingga 31 Disember 2012.

9. Imbuan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi kali kedua ini akan dibayar setengah bulan gaji atau kadar minimum RM500.00 bersekali dengan gaji bulan Disember 2012 manakala setengah bulan lagi atau kadar minimum RM500.00 bersekali dengan gaji bulan Januari 2013. Pembayaran adalah berdasarkan gaji bulan Disember 2012 atau gaji akhir yang diterima pada tahun 2012.

10. Bagi tujuan pengiraan kadar kelayakan Imbuan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi, “gaji” adalah bermaksud seperti berikut:

- (i) gaji hakiki dan Elaun Pemangkuan bagi pegawai yang memangku sesuatu jawatan;
- (ii) gaji yang diberi atas sebab peminjaman/ pertukaran sementara;
- (iii) separuh daripada gaji hakiki bagi pegawai bercuti separuh gaji; dan
- (iv) Elaun Bulanan bagi guru sandaran.

## **KAEDAH PENGIRAAN**

11. Imbuan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi kali kedua tahun 2012 adalah dibayar secara pro-rata (*proportionate*) berdasarkan bilangan hari yang layak tertakluk kepada kadar minimum sebanyak RM500.00 untuk bulan Disember 2012 dan RM500.00 untuk bulan Januari 2013. Jumlah patut terima hendaklah diselaraskan dengan amaun Imbuan Tahunan dan Bayaran Khas

Prestasi yang telah dibayar pada bulan Ogos 2012. Contoh pengiraan adalah seperti di **Lampiran A**.

12. Pegawai yang dinaikkan pangkat/ dilantik secara Kenaikan Pangkat Secara Lantikan (KPSL)/ dipinjamkan/ ditukar sementara atau bertukar skim perkhidmatan pada tahun 2012, perkiraan Imbuan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi hendaklah berdasarkan gaji bulan Disember 2012 atau gaji akhir yang diterima pada tahun 2012. Contoh pengiraan adalah seperti di **Lampiran B**.

13. Imbuan Tahunan sebanyak satu setengah bulan gaji atau kadar minimum sebanyak RM500.00 untuk bulan Disember 2012 dan RM500.00 untuk bulan Januari 2013 turut dipanjangkan kepada Pekerja Sambilan Harian yang tempoh kontraknya telah berkuat kuasa sekurang-kurangnya 30 hari berturut-turut pada tahun 2012. Pengiraan kelayakan Imbuan Tahunan kali kedua tahun 2012 bagi Pekerja Sambilan Harian adalah berdasarkan **purata gaji bulanan** bagi tempoh kontrak pada tahun 2012. Bayaran tersebut hendaklah diselaraskan dengan Imbuan Tahunan sebanyak RM500.00 yang telah dibayar bagi bulan Ogos 2012. Contoh pengiraan adalah seperti di **Lampiran C**.

14. Bagi pegawai yang bersara pada tahun 2012, Imbuan Tahunan atau Bayaran Khas Prestasi kali kedua adalah dibayar oleh jabatan terakhirnya secara pro-rata (*proportionate*) berdasarkan bilangan hari yang layak dalam tempoh tersebut tertakluk kepada kadar minimum sebanyak RM500.00 untuk bulan Disember 2012 dan RM500.00 untuk bulan Januari 2013. Jumlah patut terima hendaklah diselaraskan (*journalise*) dengan amaun Imbuan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi yang telah dibayar pada bulan Ogos 2012 serta Bayaran Khas Pesara kali kedua sebanyak RM500.00 yang akan dibayar oleh Bahagian Pasca Perkhidmatan, Jabatan Perkhidmatan Awam pada bulan Disember 2012. Contoh pengiraan adalah seperti di **Lampiran D**.

15. Pesara Perkhidmatan Awam Persekutuan yang dilantik semula secara *contract of service* atau *contract for service* dan masih berkhidmat pada tahun 2012 layak dibayar Imbuhan Tahunan atau Bayaran Khas Prestasi kali kedua berdasarkan gaji bulan Disember 2012 atau gaji akhir yang diterima pada tahun 2012. Jumlah patut terima hendaklah diselaraskan (*journalise*) dengan amaun Imbuhan Tahunan atau Bayaran Khas Prestasi yang telah dibayar pada bulan Ogos 2012 serta Bayaran Khas Pesara kali kedua sebanyak RM500.00 yang akan dibayar oleh Bahagian Pasca Perkhidmatan, Jabatan Perkhidmatan Awam pada bulan Disember 2012. Contoh pengiraan adalah seperti di **Lampiran E**.

16. Imbuhan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi ini tidak boleh diselaraskan jika berlaku apa-apa keputusan dasar mengenai pelarasan gaji selepas 31 Disember 2012. Dalam keadaan di mana sesuatu keputusan dasar pelarasan gaji dalam tahun semasa masih tidak dilaksanakan kerana kelewatan pentadbiran, pegawai layak diberi pelarasan Imbuhan Tahunan atau Bayaran Khas Prestasi.

#### **JABATAN YANG MEMBAYAR**

17. Pembayaran Imbuhan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi kali kedua adalah menjadi tanggungan jabatan di mana pegawai berkhidmat pada bulan pembayaran.

18. Bagi pegawai yang bersara dalam tahun 2012, bayaran Imbuhan Tahunan atau Bayaran Khas Prestasi adalah menjadi tanggungan jabatan terakhir pegawai berkhidmat.

#### **TARIKH KUAT KUASA**

19. Pekeliling Perkhidmatan ini berkuat kuasa mulai tarikh ia dikeluarkan.

## **PEMAKAIAN**

20. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, Pekeliling Perkhidmatan ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**



**(DATUK FARIDA MOHD ALI)**

Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (Pembangunan)  
Malaysia.

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM  
MALAYSIA  
PUTRAJAYA

23 November 2012

Semua Ketua Setiausaha Kementerian  
Semua Ketua Jabatan Persekutuan  
Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri  
Semua Pihak Berkuasa Berkanun  
Semua Pihak Berkuasa Tempatan

**CONTOH PENGIRAAN  
IMBUHAN TAHUNAN DAN BAYARAN KHAS PRESTASI KALI KEDUA  
TAHUN 2012**

**Contoh 1: Pelantikan Baru Dan Telah Menerima Imbuhan Tahunan Pada Ogos 2012**

Puan Ruhil telah dilantik sebagai Pegawai Penyediaan Makanan Gred C41 pada 17 Januari 2012 dengan gaji permulaan sebanyak RM2,147.45. Beliau telah menerima Imbuhan Tahunan sebanyak RM990.73 pada Ogos 2012.

Pengiraan kadar kelayakan Imbuhan Tahunan bagi pegawai adalah seperti berikut:

$$\begin{aligned}
 &= [ \textit{Jumlah patut terima}^a - \textit{Jumlah telah terima} ] \div 2 \\
 &= \left[ \left( 1.5 \times \textit{gaji Disember 2012} \times \frac{\textit{bil.hari berkhidmat}}{366} \right) - \left( \textit{Jumlah diterima pd. Ogos 2012} \right) \right] \div 2 \\
 &= \left[ \left( 1.5 \times \textit{RM2,147.45} \times \frac{350^b}{366^c} \right) - \textit{RM990.73} \right] \div 2 \\
 &= [ \textit{RM3,080.36} - \textit{RM990.73} ] \div 2 \\
 &= \textit{RM2,089.63} \div 2 \\
 &= \textit{RM1,044.82}
 \end{aligned}$$

Berdasarkan pengiraan didapati kelayakan Imbuhan Tahunan (jumlah patut terima) bagi tahun 2012 adalah sebanyak RM3,080.36. Imbuhan Tahunan yang telah diterima pada bulan Ogos 2012 adalah RM990.73. Sehubungan itu, baki Imbuhan Tahunan yang akan dibayar adalah RM2,089.63 dan dibayar 2 kali iaitu RM1,044.82 pada bulan Disember 2012 dan RM1,044.82 pada bulan Januari 2013.

<sup>a</sup> Sekiranya jumlah patut terima kurang daripada RM1,500.00, pegawai layak dibayar minimum RM1,500.00

<sup>b</sup> 350 hari - Bilangan hari berkhidmat dari 17 Januari 2012 hingga 31 Disember 2012

<sup>c</sup> 366 hari - Bilangan hari dari 1 Januari hingga 31 Disember 2012 termasuk Hari Rehat Mingguan, Hari Kelepasan Am dan cuti-cuti yang melayakkan gaji



**Contoh 2: Pelantikan Baru Tetapi Tidak Menerima Imbuhan Tahunan Pada Ogos 2012**

Encik Saiful Zain telah dilantik sebagai Pensyarah Universiti Gred DS45 pada 2 Disember 2012 dengan gaji permulaan sebanyak RM2,877.04.

Pengiraan kadar kelayakan Imbuhan Tahunan bagi pegawai adalah seperti berikut:

$$= \left( 1.5 \times \text{gaji Disember 2012} \times \frac{\text{bil.hari berkhidmat}}{366} \right) \div 2$$

$$= \left( 1.5 \times RM2,877.04 \times \frac{30^a}{366^b} \right) \div 2$$

$$= RM353.73 \div 2$$

$$= RM176.87$$

Memandangkan pegawai telah memenuhi syarat berkhidmat sekurang-kurangnya 30 hari berturut-turut pada tahun 2012 dan tidak menerima Imbuhan Tahunan pada bulan Ogos 2012, kadar minimum Imbuhan Tahunan yang layak diterima adalah **RM1,000.00**. Sehubungan itu, Imbuhan Tahunan yang akan dibayar adalah RM500.00 pada bulan Disember 2012 dan RM500.00 pada bulan Januari 2013.

---

<sup>a</sup>30 hari - Bilangan hari berkhidmat dari 2 Disember 2012 hingga 31 Disember 2012

<sup>b</sup>366 hari - Bilangan hari dari 1 Januari hingga 31 Disember 2012 termasuk Hari Rehat Mingguan, Hari Kelepasan Am dan cuti-cuti yang melayakkan gaji

**Contoh 3: Kenaikan Pangkat Yang Tarikh Kuat Kuasanya Dikebelakangkan Dengan Surat Penyiaran Dikeluarkan Pada Tahun 2012**

Puan Rekha telah dinaikkan pangkat sebagai Pegawai Teknologi Maklumat Gred F44 berkuat kuasa mulai 1 April 2012 melalui surat penyiaran kenaikan pangkat bertarikh 23 Julai 2012. Gaji terakhir pegawai di Gred F41 ialah RM3,287.45. Gaji permulaan kenaikan pangkat pegawai di F44 adalah RM3,512.45. Beliau telah menerima Imbuan Tahunan sebanyak RM1,756.23 pada Ogos 2012.

Pengiraan kadar kelayakan Imbuan Tahunan bagi pegawai adalah seperti berikut:

$$\begin{aligned} &= [ \text{Jumlah patut terima}^a - \text{Jumlah telah terima} ] \div 2 \\ &= \left[ \left( 1.5 \times \text{gaji Disember 2012} \times \frac{\text{bil.hari berkhidmat}}{366} \right) - (\text{Jumlah diterima pd. Ogos 2012}) \right] \div 2 \\ &= \left[ \left( 1.5 \times \text{RM3,512.45} \times \frac{366}{366^b} \right) - \text{RM1,756.23} \right] \div 2 \\ &= [ \text{RM5,268.68} - \text{RM1,756.23} ] \div 2 \\ &= \text{RM3,512.45} \div 2 \\ &= \text{RM1,756.23} \end{aligned}$$

Berdasarkan pengiraan didapati kelayakan Imbuan Tahunan (jumlah patut terima) bagi tahun 2012 adalah sebanyak RM5,268.68. Imbuan Tahunan yang telah diterima pada bulan Ogos 2012 adalah RM1,756.23. Sehubungan itu, baki Imbuan Tahunan yang akan dibayar adalah RM3,512.45 dan dibayar 2 kali iaitu RM1,756.23 pada bulan Disember 2012 dan RM1,756.23 pada bulan Januari 2013.

<sup>a</sup> Sekiranya jumlah patut terima kurang daripada RM1,500.00, pegawai layak dibayar minimum RM1,500.00

<sup>b</sup>366 hari - Bilangan hari dari 1 Januari hingga 31 Disember 2012 termasuk Hari Rehat Mingguan, Hari Kelepasan Am dan cuti-cuti yang melayakkan gaji

**Contoh 4: Kenaikan Pangkat Yang Tarikh Kuat Kuasanya Dikebelakangkan Dengan Surat Penyiaran Dikeluarkan Pada Tahun 2013**

Encik Zahrullail telah dinaikkan pangkat sebagai Pegawai Teknologi Maklumat Gred F44 berkuat kuasa mulai 1 Oktober 2012 melalui surat penyiaran kenaikan pangkat bertarikh 3 Januari 2013. Gaji terakhir pegawai di Gred F41 ialah RM3,287.45. Gaji permulaan kenaikan pangkat pegawai di F44 adalah RM3,512.45. Beliau telah menerima Imbuan Tahunan sebanyak RM1,643.73 pada Ogos 2012.

Pengiraan kadar kelayakan Imbuan Tahunan bagi pegawai adalah seperti berikut:

$$\begin{aligned} &= [ \textit{Jumlah patut terima}^a - \textit{Jumlah telah terima} ] \div 2 \\ &= \left[ \left( 1.5 \times \textit{gaji Disember 2012} \times \frac{\textit{bil.hari berkhidmat}}{366} \right) - \left( \textit{Jumlah diterima pd. Ogos 2012} \right) \right] \div 2 \\ &= \left[ \left( 1.5 \times \textit{RM3,287.45} \times \frac{366}{366} \right) - \textit{RM1,643.73} \right] \div 2 \\ &= [ \textit{RM4,931.18} - \textit{RM1,643.73} ] \div 2 \\ &= \textit{RM3,287.45} \div 2 \\ &= \textit{RM1,643.73} \end{aligned}$$

Berdasarkan pengiraan didapati kelayakan Imbuan Tahunan (jumlah patut terima) bagi tahun 2012 adalah sebanyak RM4,931.18. Imbuan Tahunan yang telah diterima pada bulan Ogos 2012 adalah RM1,643.73. Sehubungan itu, baki Imbuan Tahunan yang akan dibayar adalah RM3,287.45 dan dibayar 2 kali iaitu RM1,643.73 pada bulan Disember 2012 dan RM1,643.73 pada bulan Januari 2013.

<sup>a</sup> Sekiranya jumlah patut terima kurang daripada RM1,500.00, pegawai layak dibayar minimum RM1,500.00

<sup>b</sup>366 hari - Bilangan hari dari 1 Januari hingga 31 Disember 2012 termasuk Hari Rehat Mingguan, Hari Kelepasan Am dan cuti-cuti yang melayakkan gaji

### **Contoh 5: Pegawai Bercuti Separuh Gaji Dalam Tahun 2012**

Puan Fatin yang berkhidmat sebagai Pegawai Syariah Gred LS44 telah menggunakan kemudahan Cuti Separuh Gaji (CSG) untuk menjaga anaknya yang sakit bagi tempoh mulai 1 Februari hingga 22 Februari 2012. Pegawai telah melaporkan diri dan bertugas semula mulai 23 Februari 2012. Gaji pegawai pada Disember 2012 adalah sebanyak RM3,583.04. Beliau telah menerima Imbuan Tahunan sebanyak RM1,696.32 pada Ogos 2012.

Pengiraan kadar kelayakan Imbuan Tahunan bagi pegawai adalah seperti berikut:

$$\begin{aligned} &= [ \text{Jumlah patut terima} - \text{Jumlah telah terima} ] \div 2 \\ &= [ (A + B + C) - \text{Jumlah telah terima} ] \div 2 \\ &= \left[ \left\{ 1.5 \times \text{gaji Disember 2012} \times \frac{\text{bil.hari berkhidmat}}{366} \right\} + \left\{ 1.5 \times \frac{1}{2} \times \text{gaji Disember 2012} \times \frac{\text{bil.hari CSG}}{366} \right\} \right. \\ &\quad \left. + \left\{ 1.5 \times \text{gaji Disember 2012} \times \frac{\text{bil.hari berkhidmat}}{366} \right\} - \text{Jumlah diterima pada Ogos 2012} \right] \div 2 \\ &= \left[ \left\{ 1.5 \times \text{RM3,583.04} \times \frac{31^a}{366} \right\} + \left\{ 1.5 \times \frac{1}{2} \times \text{RM3,583.04} \times \frac{22^b}{366} \right\} \right. \\ &\quad \left. + \left\{ 1.5 \times \text{RM3,583.04} \times \frac{313^c}{366^d} \right\} - \text{RM1,696.32} \right] \div 2 \\ &= [ \{ \text{RM455.22} + \text{RM161.53} + \text{RM4,596.28} \} - \text{RM1,696.32} ] \div 2 \\ &= [ \text{RM5,213.03} - \text{RM1,696.32} ] \div 2 \\ &= \text{RM3,516.71} \div 2 \\ &= \text{RM1,758.36} \end{aligned}$$

Berdasarkan pengiraan didapati kelayakan Imbuan Tahunan (jumlah patut terima) bagi tahun 2012 adalah sebanyak RM5,213.03. Imbuan Tahunan yang telah diterima pada bulan Ogos 2012 adalah RM1,696.32. Sehubungan itu, baki Imbuan Tahunan yang akan dibayar adalah RM3,516.71 dan dibayar 2 kali iaitu RM1,758.36 pada bulan Disember 2012 dan RM1,758.36 pada bulan Januari 2013.

<sup>A</sup> Bagi tempoh 1 Januari hingga 31 Januari 2012

<sup>B</sup> Bagi tempoh 1 Februari hingga 22 Februari 2012

<sup>C</sup> Bagi tempoh 23 Februari hingga 31 Disember 2012

<sup>a</sup> 31 hari - Bilangan hari berkhidmat dari 1 Januari hingga 31 Januari 2012

<sup>b</sup> 22 hari - Bilangan hari Cuti Separuh Gaji dari 1 Februari hingga 22 Februari 2012

<sup>c</sup> 313 hari - Bilangan hari berkhidmat dari 23 Februari hingga 31 Disember 2012

<sup>d</sup> 366 hari - Bilangan hari dari 1 Januari hingga 31 Disember 2012 termasuk Hari Rehat Mingguan, Hari Kelepasan Am dan cuti-cuti yang melayakkan gaji

### **Contoh 6: Pegawai Yang Dikenakan Tindakan Tatatertib**

Surat pertuduhan tatatertib terhadap Encik Mat yang berkhidmat sebagai Pembantu Tadbir Gred N17 telah dikeluarkan pada 15 November 2011. Lembaga Tatatertib yang bersidang telah mengambil keputusan amaran dan tangguh pergerakan gaji\* beliau melalui surat hukuman tatatertib yang dikeluarkan pada 20 Januari 2012. Gaji pegawai pada Disember 2012 adalah sebanyak RM1,491.01.

Pegawai **tidak layak** dibayar Imbuhan Tahunan 2012 sebanyak satu setengah bulan gaji atau kadar minimum RM 1,500.00 kerana dijatuhkan hukuman tatatertib tangguh pergerakan gaji yang dikeluarkan pada 20 Januari 2012.

Nota:

\*Hukuman tatatertib adalah diperuntukkan di bawah Peraturan 38, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 seperti berikut:

- (i) amaran;
- (ii) denda;
- (iii) lucut hak emolumen;
- (iv) tangguh pergerakan gaji;
- (v) turun gaji;
- (vi) turun pangkat; atau
- (vii) buang kerja

Pegawai yang dikenakan tindakan tatatertib selain daripada amaran tidak layak dibayar Imbuhan Tahunan.

### **Contoh 7: Pegawai Dalam Prosiding Tatatertib**

Surat pertuduhan tatatertib terhadap Puan Rina yang berkhidmat sebagai Penolong Akauntan Gred W27 telah dikeluarkan pada 15 Mei 2012. Lembaga Tatatertib yang bersidang telah mendapati pegawai tersebut tidak bersalah melalui surat yang dikeluarkan pada 28 September 2012. Gaji pegawai pada Disember 2012 adalah sebanyak RM1,667.08. Beliau tidak menerima Imbuan Tahunan pada Ogos 2012.

$$\begin{aligned} &= [ \text{Jumlah patut terima}^a - \text{Jumlah telah terima} ] \div 2 \\ &= \left[ \left( 1.5 \times \text{gaji Disember 2012} \times \frac{\text{bil.hari berkhidmat}}{366} \right) - \left( \text{Jumlah diterima pd. Ogos 2012} \right) \right] \div 2 \\ &= \left[ \left( 1.5 \times \text{RM1,667.08} \times \frac{366}{366}^b \right) - \text{RM0.00}^c \right] \div 2 \\ &= [ \text{RM2,500.62} - \text{RM0.00} ] \div 2 \\ &= \text{RM2,500.62} \div 2 \\ &= \text{RM1,250.31} \end{aligned}$$

Berdasarkan pengiraan didapati kelayakan Imbuan Tahunan (jumlah patut terima) bagi tahun 2012 adalah sebanyak RM2,500.62. Sehubungan itu, Imbuan Tahunan yang akan dibayar adalah RM2,500.62 dan dibayar 2 kali iaitu RM1,250.31 pada bulan Disember 2012 dan RM1,250.31 pada bulan Januari 2013.

<sup>a</sup> Sekiranya jumlah patut terima kurang daripada RM1,500.00, pegawai layak dibayar minimum RM1,500.00

<sup>b</sup> 366 hari - Bilangan hari dari 1 Januari hingga 31 Disember 2012 termasuk Hari Rehat Mingguan, Hari Kelepasan Am dan cuti-cuti yang melayakkan gaji

<sup>c</sup> Pegawai tidak menerima Imbuan Tahunan pada Ogos 2012

**Contoh 8: Pegawai Yang Dipinjamkan Ke Badan Yang Diasingkan  
Pengurusan Saraannya**

Puan Maisara yang berkhidmat sebagai Pegawai Teknologi Maklumat Gred F48 telah dipinjamkan ke Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia dari 1 Januari hingga 30 Mei 2012. Beliau kemudiannya telah kembali bertugas di Jabatan Perkhidmatan Awam pada 1 Jun 2012. Gaji pegawai pada Disember 2012 adalah sebanyak RM5,936.91. Beliau telah menerima Imbuan Tahunan sebanyak RM788.72 pada Ogos 2012.

Pengiraan kadar kelayakan Imbuan Tahunan bagi pegawai adalah seperti berikut:

$$\begin{aligned}
 &= [ \text{Jumlah patut terima}^a - \text{Jumlah telah terima} ] \div 2 \\
 &= \left[ \left( 1.5 \times \text{gaji Disember 2012} \times \frac{\text{bil.hari berkhidmat}}{366} \right) - \left( \text{Jumlah diterima pd. Ogos 2012} \right) \right] \div 2 \\
 &= \left[ \left( 1.5 \times \text{RM5,936.91} \times \frac{214^b}{366^c} \right) - \text{RM788.72} \right] \div 2 \\
 &= [ \text{RM5,206.96} - \text{RM788.72} ] \div 2 \\
 &= \text{RM4,418.24} \div 2 \\
 &= \text{RM2,209.12}
 \end{aligned}$$

Berdasarkan pengiraan didapati kelayakan Imbuan Tahunan (jumlah patut terima) bagi tahun 2012 adalah sebanyak RM5,206.96. Sehubungan itu, baki Imbuan Tahunan yang akan dibayar adalah RM4,418.24 dan dibayar 2 kali iaitu RM2,209.12 pada bulan Disember 2012 dan RM2,209.12 pada bulan Januari 2013.

<sup>a</sup> Sekiranya jumlah patut terima kurang daripada RM1,500.00, pegawai layak dibayar minimum RM1,500.00

<sup>b</sup> 214 hari - Bilangan hari berkhidmat dari 1 Jun hingga 31 Disember 2012

<sup>c</sup> 366 hari - Bilangan hari dari 1 Januari hingga 31 Disember 2012 termasuk Hari Rehat Mingguan, Hari Kelepasan Am dan cuti-cuti yang melayakkan gaji

### **Contoh 9: Pegawai Yang Dipinjamkan Ke Badan Antarabangsa**

Puan Satminder yang berkhidmat sebagai Pegawai Penyelidik Gred Q52 telah dipinjamkan ke Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dari 1 Oktober 2010 hingga 30 September 2012. Beliau kemudiannya kembali bertugas di Agensi Nuklear Malaysia pada 1 Oktober 2012. Gaji pegawai pada Disember 2012 adalah sebanyak RM7,031.29.

Pengiraan kadar kelayakan Imbuan Tahunan bagi pegawai adalah seperti berikut:

$$\begin{aligned} &= [ \text{Jumlah patut terima}^a - \text{Jumlah telah terima} ] \div 2 \\ &= \left[ \left( 1.5 \times \text{gaji Disember 2012} \times \frac{\text{bil.hari berkhidmat}}{366} \right) - \left( \text{Jumlah diterima pd. Ogos 2012} \right) \right] \div 2 \\ &= \left[ \left( 1.5 \times \text{RM7,031.29} \times \frac{92^b}{366^d} \right) - \text{RM0.00}^c \right] \div 2 \\ &= [ \text{RM2,651.14} - \text{RM0.00} ] \div 2 \\ &= \text{RM2,651.14} \div 2 \\ &= \text{RM1,325.57} \end{aligned}$$

Berdasarkan pengiraan didapati kelayakan Imbuan Tahunan (jumlah patut terima) bagi tahun 2012 adalah sebanyak RM2,651.14. Sehubungan itu, Imbuan Tahunan yang akan dibayar adalah RM2,651.14 dan dibayar 2 kali iaitu RM1,325.57 pada bulan Disember 2012 dan RM1,325.57 pada bulan Januari 2013.

<sup>a</sup> Sekiranya jumlah patut terima kurang daripada RM1,500.00, pegawai layak dibayar minimum RM1,500.00

<sup>b</sup> 92 hari - Bilangan hari berkhidmat dari 1 Oktober hingga 31 Disember 2012

<sup>c</sup> Pegawai tidak menerima Imbuan Tahunan pada Ogos 2012

<sup>d</sup> 366 hari - Bilangan hari dari 1 Januari hingga 31 Disember 2012 termasuk Hari Rehat Mingguan, Hari Kelepasan Am dan cuti-cuti yang melayakkan gaji



**Contoh 10: Pekerja Sambilan Harian Yang Tidak Menerima Imbuan Tahunan Pada Ogos 2012**

Cik Alesha telah dilantik sebagai Pekerja Sambilan Harian (PSH) di Kementerian Kesihatan Malaysia pada 1 Ogos 2012 dengan tempoh kontraknya selama 3 bulan. Beliau dibayar gaji sebanyak RM72.00 secara harian berdasarkan bilangan hari beliau berkhidmat. Setelah tempoh kontrak berakhir, pegawai telah disambung kontraknya dari 1 November 2012 hingga 31 Januari 2013. Beliau tidak menerima Imbuan Tahunan pada Ogos 2012.

Bulan	Bilangan hari berkhidmat*	Gaji diterima (RM)
Ogos	18	1,296.00
September	18	1,296.00
Oktober	21	1,512.00
November	18	1,296.00
Disember	18	1,296.00
<b>GAJI PURATA</b>		<b>1,339.20</b>

\*tidak termasuk Hari Rehat Mingguan dan Hari Kelepasan Am

Pengiraan kadar kelayakan Imbuan Tahunan bagi pegawai adalah seperti berikut:

$$= \left( 1.5 \times \text{gaji purata} \times \frac{\text{bil.bulan berkhidmat}}{12} \right) \div 2$$

$$= \left( 1.5 \times \text{RM}1,339.20 \times \frac{5}{12} \right) \div 2$$

$$= \text{RM}837.00 \div 2$$

$$= \text{RM}418.50$$

Memandangkan kontrak PSH berkuat kuasa selepas 25 Julai 2012, kadar minimum Imbuan Tahunan yang layak diterima adalah **RM1,000.00**. Sehubungan itu, Imbuan Tahunan yang akan dibayar adalah RM500.00 pada bulan Disember 2012 dan RM500.00 pada bulan Januari 2013.

### **Contoh 11: Pekerja Sambilan Harian Yang Menerima Imbuan Tahunan Pada Ogos 2012**

Cik Ratna telah dilantik sebagai Pekerja Sambilan Harian (PSH) di Jabatan Pertanian pada 1 Mei 2012 hingga 31 Julai 2012 dengan tempoh kontraknya selama 3 bulan. Beliau dibayar gaji sebanyak RM100.00 secara harian berdasarkan bilangan hari beliau berkhidmat. Setelah tempoh kontrak berakhir, pegawai telah disambung kontraknya dari 1 September 2012 hingga 30 November 2012. Beliau telah menerima Imbuan Tahunan sebanyak RM500.00 pada Ogos 2012.

<b>Bulan</b>	<b>Bilangan hari berkhidmat*</b>	<b>Gaji diterima (RM)</b>
Mei	18	1,800.00
Jun	18	1,800.00
Julai	18	1,800.00
September	21	2,100.00
Oktober	18	1,800.00
November	18	1,800.00
<b>GAJI PURATA</b>		<b>1,850.00</b>

\*tidak termasuk Hari Rehat Mingguan dan Hari Kelepasan Am

Pengiraan kadar kelayakan Imbuan Tahunan bagi pegawai adalah seperti berikut:

$$\begin{aligned} \text{Jumlah patut terima} &= 1.5 \times \text{gaji purata} \times \frac{\text{bil. bulan berkhidmat}}{12} \\ &= 1.5 \times \text{RM1,850.00} \times \frac{6}{12} \\ &= \text{RM1,387.50} \end{aligned}$$

#### **Jumlah telah terima**

= Jumlah telah terima pada Ogos 2012

= RM500.00

#### **Imbuan Tahunan yang akan dibayar**

= [Jumlah patut terima – Jumlah telah terima] ÷ 2

= [RM1,387.50 – RM500.00] ÷ 2

= RM887.50 ÷ 2

= RM443.75

Berdasarkan pengiraan, didapati kelayakan Imbuan Tahunan (jumlah patut terima) adalah sebanyak RM1,387.50. Imbuan Tahunan yang telah diterima pada bulan Ogos 2012 adalah RM500.00. Sehubungan itu, Imbuan Tahunan kali kedua tahun 2012 yang akan dibayar kepada PSH adalah RM500.00 pada bulan Disember 2012 dan RM500.00 pada bulan Januari 2013.

**Contoh 12: Pegawai Bersara Pada 25 Disember 2012**

Encik Nazri yang berkhidmat sebagai Pembantu Penguasa Kastam Gred W26 telah bersara pada 25 Disember 2012. Gaji terakhir pegawai adalah RM3,497.76. Beliau telah menerima Imbuan Tahunan sebanyak RM1,748.88 pada Ogos 2012.

Pengiraan kadar kelayakan Imbuan Tahunan bagi pegawai adalah seperti berikut:

$$\begin{aligned} \text{Jumlah patut terima}^a &= 1.5 \times \text{gaji Disember 2012} \times \frac{\text{bil. hari berkhidmat}}{366} \\ &= 1.5 \times \text{RM3,497.76} \times \frac{359^b}{366^c} \\ &= \text{RM5,146.29} \end{aligned}$$

**Jumlah telah terima**

$$\begin{aligned} &= \frac{1}{2} \times \text{gaji terakhir 2012} \times \frac{\text{bil. hari berkhidmat}}{207} \\ &= \frac{1}{2} \times \text{RM3,497.76} \times \frac{207^d}{207} \\ &= \text{RM1,748.88} \end{aligned}$$

**Imbuan Tahunan yang akan dibayar**

$$\begin{aligned} &= [\text{Jumlah patut terima} - \text{Jumlah telah terima} - \text{Bayaran Khas Pesara (Dis. 2012)}] \div 2 \\ &= [(\text{RM5,146.29} - \text{RM1,748.88}) - \text{RM500.00}] \div 2 \\ &= [\text{RM3,397.41} - \text{RM500.00}] \div 2 \\ &= \text{RM2,897.41} \div 2 \\ &= \text{RM1,448.71} \end{aligned}$$

Berdasarkan pengiraan didapati kelayakan Imbuan Tahunan (jumlah patut terima) bagi tahun 2012 adalah sebanyak RM5,146.29. Imbuan Tahunan yang telah diterima pada bulan Ogos 2012 adalah RM1,748.88 dan Bayaran Khas Pesara pada Disember 2012 adalah RM500.00. Sehubungan itu, baki Imbuan Tahunan yang akan dibayar adalah RM2,897.41 dan dibayar 2 kali iaitu RM1,448.71 pada bulan Disember 2012 dan RM1,448.71 pada bulan Januari 2013.

<sup>a</sup> Sekiranya jumlah patut terima kurang daripada RM1,500.00, pegawai layak dibayar minimum RM1,500.00

<sup>b</sup> 359 hari - Bilangan hari berkhidmat dari 1 Januari hingga 24 Disember 2012

<sup>c</sup> 366 hari - Bilangan hari dari 1 Januari hingga 31 Disember 2012 termasuk Hari Rehat Mingguan, Hari Kelepasan Am dan cuti-cuti yang melayakkan gaji

<sup>d</sup> 207 hari - Bilangan hari dari 1 Januari hingga 25 Julai 2012 termasuk Hari Rehat Mingguan, Hari Kelepasan Am dan cuti-cuti yang melayakkan gaji

### **Contoh 13: Pegawai Bersara Pada 10 April 2012**

Puan Sim yang berkhidmat sebagai Pembantu Penguasa Kastam Gred W26 telah bersara pada 10 April 2012. Gaji terakhir pegawai adalah RM3,497.76. Beliau telah menerima Imbuan Tahunan sebanyak RM344.87 pada Ogos 2012.

Pengiraan kadar kelayakan Imbuan Tahunan bagi pegawai adalah seperti berikut:

$$\begin{aligned} \text{Jumlah patut terima}^a &= 1.5 \times \text{gaji terakhir 2012} \times \frac{\text{bil. hari berkhidmat}}{366} \\ &= 1.5 \times \text{RM3,497.76} \times \frac{100^b}{366^c} \\ &= \text{RM1,433.51} \end{aligned}$$

#### **Jumlah telah dibayar oleh Jabatan**

$$\begin{aligned} &= \left( \frac{1}{2} \times \text{gaji terakhir 2012} \times \frac{\text{bil. hari berkhidmat}}{207} \right) - \text{Bayaran Khas Pesara (Ogos 2012)} \\ &= \left( \frac{1}{2} \times \text{RM3,497.76} \times \frac{100^d}{207^d} \right) - \text{RM500.00} \\ &= \text{RM844.87} - \text{RM500.00} \\ &= \text{RM344.87} \end{aligned}$$

#### **Imbuan Tahunan yang akan dibayar**

$$\begin{aligned} &= [ (\text{Jumlah patut terima} - \text{Jumlah telah diterima oleh pegawai}) - \text{Bayaran Khas Pesara (Dis. 2012)} ] \div 2 \\ &= [ (\text{RM1,433.51} - \text{RM844.87}^e) - \text{RM500.00} ] \div 2 \\ &= [ \text{RM588.64} - \text{RM500.00} ] \div 2 \\ &= \text{RM88.64} \div 2 \\ &= \text{RM44.32} \end{aligned}$$

Berdasarkan pengiraan didapati kelayakan Imbuan Tahunan (jumlah patut terima) bagi tahun 2012 adalah sebanyak RM1,433.51. Imbuan Tahunan yang telah diterima pada bulan Ogos 2012 adalah RM844.87 termasuk Bayaran Khas Pesara iaitu RM500.00. Jumlah yang layak diterima oleh pegawai adalah RM588.64 termasuk Bayaran Khas Pesara pada Disember 2012 iaitu RM500.00. Sehubungan itu, baki Imbuan Tahunan yang akan dibayar oleh jabatan adalah RM88.64 dan dibayar 2 kali iaitu RM44.32 pada bulan Disember 2012 dan RM44.32 pada bulan Januari 2013.

<sup>a</sup> Kadar minimum Imbuan Tahunan yang layak diterima adalah RM500.00 (pegawai berkhidmat dalam tempoh sebelum 25 Julai 2012).

<sup>b</sup> 100 hari - Bilangan hari berkhidmat dari 1 Januari hingga 9 April 2012

<sup>c</sup> 366 hari - Bilangan hari dari 1 Januari hingga 31 Disember 2012 termasuk Hari Rehat Mingguan, Hari Kelepasan Am dan cuti-cuti yang melayakkan gaji

<sup>d</sup> 207 hari - Bilangan hari dari 1 Januari hingga 25 Julai 2012 termasuk Hari Rehat Mingguan, Hari Kelepasan Am dan cuti-cuti yang melayakkan gaji

<sup>e</sup> Jumlah RM844.87 adalah bayaran yang telah diterima oleh pegawai pada bulan Ogos 2012 termasuk Bayaran Khas Pesara sebanyak RM500.00

**Contoh 14: Pesara Perkhidmatan Awam Persekutuan Yang Bersara Pada Tahun 2011 dan Dilantik Semula Secara Kontrak**

Encik Sham telah bersara pada tahun 2011. Beliau seterusnya telah dilantik sebagai pegawai kontrak dari 1 Mac 2012 hingga 28 Februari 2014 di Jabatan Pengajian Tinggi. Gaji pegawai pada Disember 2012 adalah sebanyak RM5,936.92. Beliau telah menerima Imbuan Tahunan sebanyak RM1,608.04 pada Ogos 2012.

$$\begin{aligned} \text{Jumlah patut terima}^a &= 1.5 \times \text{gaji Disember 2012} \times \frac{\text{bil. hari berkhidmat}}{366} \\ &= 1.5 \times \text{RM5,936.92} \times \frac{306^b}{366^c} \\ &= \text{RM7,445.48} \end{aligned}$$

**Jumlah telah dibayar oleh Jabatan**

$$\begin{aligned} &= \left( \frac{1}{2} \times \text{gaji Disember 2012} \times \frac{\text{bil. hari berkhidmat}}{207} \right) - \text{Bayaran Khas Pesara (Ogos 2012)} \\ &= \left( \frac{1}{2} \times \text{RM5,936.92} \times \frac{147^d}{207^e} \right) - \text{RM500.00} \\ &= \text{RM2,108.04} - \text{RM500.00} \\ &= \text{RM1,608.04} \end{aligned}$$

**Imbuan Tahunan yang akan dibayar**

$$\begin{aligned} &= [ (\text{Jumlah patut terima} - \text{Jumlah telah diterima oleh pegawai}) - \text{Bayaran Khas Pesara (Dis. 2012)} ] \div 2 \\ &= [ (\text{RM7,445.48} - \text{RM2,108.04}^f) - \text{RM500.00} ] \div 2 \\ &= [ \text{RM5,337.44} - \text{RM500.00} ] \div 2 \\ &= \text{RM4,837.44} \div 2 \\ &= \text{RM2,418.72} \end{aligned}$$

Berdasarkan pengiraan didapati kelayakan Imbuan Tahunan (jumlah patut terima) bagi tahun 2012 adalah sebanyak RM7,445.48. Imbuan Tahunan yang telah diterima pada bulan Ogos 2012 adalah RM2,108.04 termasuk Bayaran Khas Pesara iaitu RM500.00. Jumlah yang layak diterima oleh pegawai adalah RM5,337.44 termasuk Bayaran Khas Pesara pada Disember 2012 iaitu RM500.00. Sehubungan itu, baki Imbuan Tahunan yang akan dibayar oleh jabatan adalah RM4,837.44 dan dibayar 2 kali iaitu RM2,418.72 pada bulan Disember 2012 dan RM2,418.72 pada bulan Januari 2013.

<sup>a</sup> Sekiranya jumlah patut terima kurang daripada RM1,500.00, pegawai layak dibayar minimum RM1,500.00

<sup>b</sup> 306 hari - Bilangan hari berkhidmat dari 1 Mac hingga 31 Disember 2012

<sup>c</sup> 366 hari - Bilangan hari dari 1 Januari hingga 31 Disember 2012 termasuk Hari Rehat Mingguan, Hari Kelepasan Am dan cuti-cuti yang melayakkan gaji

<sup>d</sup> 147 hari - Bilangan hari berkhidmat dari 1 Mac hingga 25 Julai 2012

<sup>e</sup> 207 hari - Bilangan hari dari 1 Januari hingga 25 Julai 2012 termasuk Hari Rehat Mingguan, Hari Kelepasan Am dan cuti-cuti yang melayakkan gaji

<sup>f</sup> Jumlah RM2,108.04 adalah bayaran yang telah diterima oleh pegawai pada bulan Ogos 2012 termasuk Bayaran Khas Pesara sebanyak RM500.00

**Contoh 15: Pesara Perkhidmatan Awam Persekutuan Yang Bersara Pada Tahun 2012 dan Dilantik Semula Secara Kontrak**

Puan Zulaika telah bersara pada 1 Jun 2012. Gaji terakhir pegawai adalah RM6,462.10. Beliau seterusnya telah dilantik sebagai pegawai kontrak dari 1 Ogos 2012 hingga 31 Julai 2014 di Kementerian Kerja Raya. Gaji pegawai pada Disember 2012 adalah sebanyak RM5,936.92. Beliau telah menerima Imbuhan Tahunan sebanyak RM1,872.56 pada Ogos 2012.

**Pengiraan kadar kelayakan Imbuhan Tahunan semasa lantikan tetap (1 Januari - 31 Mei 2012)**

$$\begin{aligned} \text{Jumlah patut terima}^a &= 1.5 \times \text{gaji terakhir 2012} \times \frac{\text{bil. hari berkhidmat}}{366} \\ &= 1.5 \times \text{RM6,462.10} \times \frac{152}{366}^b \\ &= \text{RM4,025.57} \end{aligned}$$

**Jumlah telah dibayar oleh Jabatan**

$$\begin{aligned} &= \left( \frac{1}{2} \times \text{gaji terakhir 2012} \times \frac{\text{bil. hari berkhidmat}}{207} \right) - \text{Bayaran Khas Pesara (Ogos 2012)} \\ &= \left( \frac{1}{2} \times \text{RM6,462.10} \times \frac{152}{207}^d \right) - \text{RM500.00} \\ &= \text{RM2,372.56} - \text{RM500.00} \\ &= \text{RM1,872.56} \end{aligned}$$

**Imbuhan Tahunan yang akan dibayar**

$$\begin{aligned} &= [ (\text{Jumlah patut terima} - \text{Jumlah telah diterima oleh pegawai}) - \text{Bayaran Khas Pesara (Dis. 2012)} ] \div 2 \\ &= [ (\text{RM4,025.57} - \text{RM2,372.56}^e) - \text{RM500.00} ] \div 2 \\ &= [ \text{RM1,653.01} - \text{RM500.00} ] \div 2 \\ &= \text{RM1,153.01} \div 2 \\ &= \text{RM576.51} \end{aligned}$$

---

<sup>a</sup> Kadar minimum Imbuhan Tahunan yang layak diterima adalah RM500.00 (pegawai berkhidmat dalam tempoh sebelum 25 Julai 2012).

<sup>b</sup> 152 hari - Bilangan hari berkhidmat dari 1 Januari hingga 31 Mei 2012

<sup>c</sup> 366 hari - Bilangan hari dari 1 Januari hingga 31 Disember 2012 termasuk Hari Rehat Mingguan, Hari Kelepasan Am dan cuti-cuti yang melayakkan gaji

<sup>d</sup> 207 hari - Bilangan hari dari 1 Januari hingga 25 Julai 2012 termasuk Hari Rehat Mingguan, Hari Kelepasan Am dan cuti-cuti yang melayakkan gaji

<sup>e</sup> Jumlah RM2,372.56 adalah bayaran yang telah diterima oleh pegawai pada bulan Ogos 2012 termasuk Bayaran Khas Pesara sebanyak RM500.00

**Pengiraan kadar kelayakan Imbuhan Tahunan semasa lantikan kontrak (1 Ogos - 31 Dis. 2012)**

$$\begin{aligned} &= \left( 1.5 \times \text{gaji Disember 2012} \times \frac{\text{bil.hari berkhidmat}}{366} \right) \div 2 \\ &= \left( 1.5 \times \text{RM}5,936.92 \times \frac{153^f}{366} \right) \div 2 \\ &= \text{RM}3,722.74 \div 2 \\ &= \text{RM}1,861.37 \end{aligned}$$

Berdasarkan pengiraan didapati kelayakan Imbuhan Tahunan (jumlah patut terima) semasa lantikan tetap (1 Januari – 31 Mei 2012) adalah sebanyak RM4,025.57. Imbuhan Tahunan yang telah diterima pada bulan Ogos 2012 adalah RM2,372.56 termasuk Bayaran Khas Pesara iaitu RM500.00. Jumlah yang layak diterima oleh pegawai adalah RM1,653.01 termasuk Bayaran Khas Pesara pada Disember 2012 iaitu RM500.00. Sehubungan itu, baki Imbuhan Tahunan yang akan dibayar oleh jabatan terakhir pegawai berkhidmat sebelum bersara adalah RM1,153.01 dan dibayar 2 kali iaitu RM576.51 pada bulan Disember 2012 dan RM576.51 pada bulan Januari 2013.

Manakala kelayakan Imbuhan Tahunan semasa lantikan kontrak (1 Ogos – 31 Disember 2012) adalah sebanyak RM3,722.74 dan dibayar 2 kali iaitu RM1,861.37 pada bulan Disember 2012 dan RM1,861.37 pada bulan Januari 2013 yang akan dibayar oleh jabatan pegawai sedang berkhidmat.

---

<sup>f</sup>153 hari - Bilangan hari berkhidmat dari 1 Ogos hingga 31 Disember 2012